

## **Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi: Penelitian Awal dalam Kepelbagaian Budaya Masyarakat di Malaysia**

Mohamed Ali Haniffa<sup>1\*</sup>, Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>2</sup> dan Wayu Nor Ashikin Mohamad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia.

<sup>2</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

<sup>3</sup>University College Bestari, Terengganu.

### **ABSTRAK**

*Artikel ini membincangkan mengenai keterangan dan sumber lisan yang digunakan sebagai medium historiografi utama dalam kepelbagaian budaya masyarakat di Malaysia. Keterangan lisan seperti penglipurlara dan cerita merupakan medium yang disampaikan dari satu generasi ke generasi lain. Tradisi lisan merupakan sumber penting yang wujud suatu masa dahulu namun terpinggir ditelan arus perubahan zaman. Masyarakat Melayu khususnya sudah mempunyai peradaban dan tradisi lisan yang diwarisi dari generasi terdahulu. Ketinggian tradisi lisan orang Melayu dan tamadun Melayu adalah setara dengan tamadun lain di dunia. Negara telah melalui evolusi sejarah yang lama sehingga berdirinya bumi bertuah bernama Malaysia. Episod penjajahan bermula dengan British, komunis sehingga kemerdekaan negara diperolehi. Dalam melihat episod ini, pelbagai dimensi kehidupan perlu diteliti. Antaranya meliputi tokoh, agama, sosiobudaya dan ekonomi. Kekangan sumber-sumber sejarah yang asal menjadi salah satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula peristiwa dan sejarah Malaysia. Ketiadaan tradisi menyimpan dan merekod catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup menjadikan masalah ini lebih serius di Malaysia. Namun dalam usaha meneliti kesemua peristiwa tersebut, masih terdapat ruang kosong yang boleh diisi dengan penggunaan sumber lisan. Justeru itu dalam usaha melestarikan penggunaan sejarah lisan di Malaysia terdapat pelbagai organisasi sama ada kerajaan atau swasta yang berperanan penting. Antaranya ialah Arkib Negara Malaysia, perpustakaan dan persatuan. Pelbagai usaha murni telah dilakukan bagi memupuk, mendokumentasikan dan juga mempromosikan bidang sama ada kepada individu mahupun institusi-institusi yang berkenaan. Analisis data dibuat berdasarkan sumber primer seperti rekod-rekod rasmi kerajaan ataupun persendirian, sekunder berupa bahan bercetak dan lisan yang melibatkan wawancara. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah sejarah lisan berupaya mengisi ruang kekosongan sumber-sumber sedia, menjadi penyelamat kepada keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan menjadi pelengkap kepada sesebuah cerita.*

**Kata kunci:** Tradisi Lisan, Masyarakat Melayu, Budaya, Arkib Negara Malaysia.

## **Oral Information as Historyographic Resource: Effective Research in the Multi Cultural Society of Malaysia**

### **ABSTRACT**

*This article discusses the evidence and oral resources used as the main historyographic medium in the diversity of Malaysian cultures. Oral information such as "penglipurlara" and the story is a medium delivered from one generation to another. Oral tradition is an important source that existed in the past but was marginalized by the changing of the times. The Malay community in particular has had civilization and oral traditions inherited from previous generations. The achievement of the oral tradition of the Malays and the*

---

\*Koresponden: [m.ali@uum.edu.my](mailto:m.ali@uum.edu.my)

*Malay civilization is equivalent to other civilizations in the world. The country has undergone a long history of evolution until the establishment of a lucky earth named Malaysia. The colonization episodes began with the British, then the communists until the independence of the country was acquired. In view of this episode, various dimensions of life need to be studied. Among them are figures, religions, sociocultural and economics. Constraints of original historical sources are one of the major weaknesses in an effort to rewrite Malaysian events and history. The absence of tradition in storing and recording diaries, writing other documents or writing a living history makes this issue more serious in Malaysia. However, in order to examine all those events, there is still empty space that can be filled with the use of oral sources. Hence, in order to preserve the use of oral history in Malaysia there are various organizations whether government or private. Among them are the National Archives of Malaysia, libraries and associations. Various efforts have been made to foster, document and even promote the field either to individuals and institutions concerned. Data analysis is based on primary sources such as the government's official records or private, secondary in the form of printed material and oral sources involving interviews. The findings suggest that oral history methods are able to fill the space of available resources, to be a savior to historical descriptions that will be lost and complementary to a story.*

**Keywords:** Oral Tradition, Malay Society, Culture, National Archives of Malaysia.

## PENDAHULUAN

Sejarah lisan boleh didefinisikan sebagai satu kaedah pertanyaan untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut kepada sejarah bertulis. Keterangan ini diperolehi melalui kaedah wawancara samada dengan pelakunya, saksi mata, pendengar, pemegang tradisi atau seorang yang mengetahui perihal sesuatu peristiwa atau kejadian. Jawatankuasa Kebangsaan Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia (1991) pula mendefinisikan sejarah lisan sebagai teknik untuk mendapatkan semula memori kenang-kenangan daripada individu yang berkenaan melalui sesi wawancara yang direkodkan. Manakala *The Society of American Archives* pula mendefinisikan sejarah lisan sebagai "An interview that records an individual's personal recollections of the past and historical events and the audio or video recordings, transcripts, and other materials that capture and are associated with such an interview". Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang terbaik bagi merekodkan dan melindungi maklumat penting dalam memori (*tacit knowledge*) setiap individu. Keterangan inilah yang akan membantu mengisi ruangan rekod-rekod sejarah negara yang masih lagi tidak lengkap sepenuhnya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini membuat penelitian awal mengenai penggunaan keterangan dan sumber lisan sebagai medium historiografi dalam kepelbagaian budaya di Malaysia. Penelitian akan dibuat terhadap elemen pendokumentasian melibatkan keterangan lisan. Tumpuan akan dibuat terhadap tokoh, agama, sosiobudaya dan ekonomi. Turut dilihat ialah peranan institusi yang melestarikan penggunaan keterangan lisan di Malaysia meliputi Arkib Negara Malaysia, perpustakaan dan persatuan.

## METODOLOGI

Kajian ini bersifat deskriptif. Bagi mencapai tujuan penulisan artikel, metodologi yang digunakan berupa penelitian terhadap rekod-rekod rasmi kerajaan ataupun persendirian. Rekod-rekod primer digunakan bagi memastikan kesahihan fakta sejarah. Turut digunakan ialah sumber sekunder yang meliputi artikel dan buku-buku. Bagi mengisi ruang kosong di dalam penulisan, keterangan lisan berupa wawancara digunakan. Keterangan lisan dan

wawancara tersebut meliputi pelaku serta informer yang mengetahui dan terlibat dalam sesuatu peristiwa. Justeru itu, maklumat yang direkodkan adalah berdasarkan kepada kisah benar, catatan peribadi atau saksi dalam sesuatu peristiwa.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Keterangan lisan digunakan sebagai elemen penting dalam menghasilkan penulisan para sarjana. Buku tulisan Myzara bertajuk *Di Sebalik Rundingan Damai Hat Yai* mengisahkan liku-liku kehidupan yang dilalui oleh Mocktar Mahmud Baginda yang merintis ke arah Perjanjian Damai Hat Yai pada tahun 1989. Namun buku catatan peribadi ini tidak mampu untuk menggambarkan keseluruhan liku-liku perjalanan yang diharungi ketika memujuk kakak beliau Siti Norkiah Mahmud Baginda pulang ke Malaysia selepas tamatnya Rundingan Damai Hat Yai. Karya asli setebal 431 halaman ini sarat dengan kisah hidup dan pengalaman yang dilalui oleh tokoh tersebut. Maklumat penulisan juga diperolehi melalui kaedah temu bual (Myzara, 2015).

*Biografi Dol Ramli: Bapa Penyiaran Malaysia* merupakan penulisan Rohani Abd. Ghani dan Che Su Mustafa dan dihasilkan pada tahun 2018. Buku ini juga menggunakan keterangan lisan sebagai medium mendapatkan maklumat. Justeru itu, buku ini berjaya merungkai peranan Tan Sri Dol Ramli yang menjadi pelopor dalam dunia penyiaran Malaysia. Penulis juga menggunakan keterangan lisan daripada pelbagai pihak termasuk keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan dalam menghasilkan karya ini (Rohani Abd. Ghani & Che Su Mustafa, 2018).

Manakala buku *Jejak Seorang Pemimpin: Sejarah Lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad* setebal 183 halaman merupakan projek inisiatif bersama antara Yayasan Kepimpinan Perdana dan juga Universiti Utara Malaysia (UUM). Buku tersebut dihasilkan daripada beberapa sesi wawancara yang diadakan bersama dengan Tun bermula dari Oktober 2006 hingga Mac 2007. Isi kandungan buku ini dibuat berdasarkan kepada transkrip wawancara yang mengandungi kehidupan peribadi dan pandangan beliau terhadap proses peralihan Malaysia sebagai negara maju. Ini termasuklah beberapa pelaksanaan dasar penting negara seperti perindustrian, pendidikan dan juga pertanian (Jejak seorang pemimpin, 2014).

Berbeza pula dengan buku *Mahathir Di Mata Umum*. Buku ini memuatkan transkrip wawancara penulis bersama dengan Tun Mahathir. Terdapat dua siri wawancara yang dilaksanakan oleh penulis. Pertamanya wawancara yang dijalankan 24 jam sebelum beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 dan kedua setelah 100 hari Tun menjawat jawatan tersebut. Kedua-dua wawancara ini mengkhusus kepada dua topik yang berbeza. Penulis juga melaksanakan beberapa wawancara bersama individu terdekat dengan beliau. Antaranya ialah kakak kedua Tun iaitu Puan Habsah Mohamad, guru sekolah beliau Cikgu Omar Muhammad dan Mohd Zain bin Rashid ataupun lebih dikenali dengan panggilan Master Zain bagi mengetahui akan sifat-sifat peribadi Tun ketika itu (Zahidi, 1999).

## **PEMBANGUNAN SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT MELAYU**

Tradisi lisan dimulakan sejak zaman Yunani iaitu pada abad ke-5 S.M oleh Thucydides dalam penulisan *The Persian Wars* (Mohamed Ali, 2017). Manakala Mamoru Shinozuki pula menulis bukunya yang bertajuk *Syonan, My Story: The Japanese Occupation of Singapore* menggunakan kaedah temubual bagi menghasilkan penulisannya dengan berasaskan kepada sumber perang di Singapura (Rozeman, 2014). Tidak dinafikan bahawa sistem komunikasi awam dalam kalangan masyarakat Melayu bermula agak lewat dari kaum lain iaitu sekitar abad ke-18 hingga ke-19. Namun ketinggian ilmu dalam kalangan mereka adalah sehebat dan setanding dengan tamadun lain. Bagi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan bahkan menjadikan sumber

bertulis sebagai kaedah penyimpanan rekod dan maklumat yang utama tidak bermakna bahawa kaedah sejarah lisan tidak dapat diaplikasikan. Munsyi Abdullah merupakan individu terawal yang menjadi perintis dalam penggunaan sumber lisan di negara ini. Beliau banyak merakamkan keterangan lisan semasa lawatannya ke Pantai Timur pada awal abad ke-19 di dalam bukunya *Kisah Pelayaran Abdullah*. Keterangan lisan juga merupakan sumber utama yang digunakan oleh pengkaji lain seperti Frank Swettenham, W.E. Maxwell dan juga Richard Winstedt (Mohamed Ali, 2017).

Malaysia merupakan sebuah negara membangun dan sentiasa melalui proses perubahan berikutan arus yang dicituskan oleh penjajah. Malaysia mengalami banyak rentetan sejarah bermula dari zaman pemerintahan tentera Jepun, komunis, British, Darurat hinggalah Peristiwa 13 Mei 1969. Kesemua peristiwa hitam ini merupakan catatan sejarah yang amat berharga untuk dikaji pada zaman ini. Ramai individu terlibat dalam peristiwa di atas merupakan orang biasa dan input peribadi daripada mereka sebagai saksi mata amat penting bagi mengisi segala ruang kekosongan yang ditinggalkan oleh dokumen sejarah yang sedia ada.

### **PERANAN SEJARAH LISAN DALAM PEMBENTUKAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU**

Kekangan sumber-sumber sejarah yang asal menjadi salah satu daripada kelemahan besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia. Hanya beberapa negeri-negeri Melayu yang mempunyai sumber-sumber asal dan kebanyakannya hanya tertumpu sekitar kurun yang ke-19. Ketiadaan tradisi menyimpan dan merekod catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup menjadikan masalah ini lebih serius di Malaysia. Di dalam hal ini keterangan lisan boleh memainkan peranan penting dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk sejarah Malaysia di abad ini. Justeru itu akan mendorong para penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang disediakan dengan sumber-sumber lisan (Nadzan, 1979).

Di dalam usaha untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia tidak semestinya penulisan ditumpukan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Tajuk-tajuk bercorak sejarah tempatan dan juga negeri perlu diberi tempat yang sewajarnya. Di sinilah keterangan lisan sangat berguna kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Pelbagai jenis bidang boleh diterokai melalui kaedah sejarah lisan ini antaranya politik, ekonomi, sosial dan juga budaya. Dalam konteks di Malaysia, kebanyakan bahan-bahan berkaitan dengan sejarah awal dan budaya bersumberkan kepada rekod-rekod yang dicatat dan ditinggalkan oleh penjajah. Justeru itu kewujudan keterangan lisan amat penting bagi mengisi ruang-ruang kosong yang ditinggalkan oleh dokumen.

### **Kajian Terhadap Tokoh**

Bagi mendalami kajian mengenai tokoh, seseorang penyelidik perlu menemuramah individu-individu lain yang berada disekelilingnya. Nilai tokoh yang dimaksudkan bukan sahaja pada jawatan dan kedudukannya tetapi memberikan sumbangan sama ada di peringkat komuniti ataupun nasional. Mereka ini boleh berperanan sebagai watak yang berada di belakang tabir tetapi amat signifikan ketika berlakunya sesuatu insiden (Wawancara dengan Kio Koke Kway). Terdapat juga banyak kajian ke atas tokoh yang berjasa dilaksanakan oleh pengkaji tempatan. Mereka menjadi orang penting dan sanggup menggadaikan nyawa demi negara tercinta. Antara tokoh yang dimaksudkan ialah Datuk Mocktar Mahmud Baginda ketika menjadi orang perantaraan dalam sesi Rundingan Damai Hat Yai (Wawancara dengan Datuk Mocktar Mahmud Baginda). Namun terdapat banyak kajian lain yang dilakukan terhadap keperibadian seseorang tokoh. Antaranya ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tuan Guru Nik Aziiz Nik Mat, Karpal Singh, Tun Ghaffar Baba, Tun Dr. Siti Hasmah dan lain-lain lagi.

Keterangan lisan juga mampu merungkai sentimen atau emosi yang dialami oleh pelaku ketika berlakunya peristiwa tersebut. Hal yang demikian disampaikan oleh mantan Pegawai Propaganda Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya iaitu Tuan Haji Ibrahim (Berahim) Chik. Beliau dengan lantang menyatakan taat setia dan pengorbanan terhadap tanah air walaupun komunis dilabel sebagai petualang negara (Wawancara dengan Tuan Haji Berahim Chik). Berlainan pula dengan Mejar (B) Dr. Nor Ibrahim bin Sulaiman mantan juruterbang helikopter Nuri yang banyak berjasa kepada negara ketika bertugas menjadi pengangkut logistik sewaktu Tanah Melayu diisytiharkan darurat (Wawancara dengan Mejar (B) Dr. Nor Ibrahim bin Sulaiman).

Terdapat juga banyak kajian lain mengenai tokoh yang menyumbang jasa kepada negara. Sebagai contoh, kajian tentang Tan Sri Dol Ramli yang menjadi pelopor dalam dunia penyiaran di Tanah Melayu (Rohani & Che Su, 2015). Manakala terdapat juga wawancara ke atas tokoh-tokoh ternama tanah air yang dikenali umum. Antaranya ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun terdapat banyak wawancara dijalankan bersama beliau, namun hasil wawancara yang diperolehi oleh penulis pastinya berbeza dan adakalanya menjurus kepada sesuatu peristiwa ataupun topik khas. Tidak akan timbul maklumat yang sudah lapuk sebaliknya hasil wawancara ini akan menambah, menyokong dan mengemaskini maklumat sedia ada (Sulasteri, 2016).

Begitu juga keterangan lisan penduduk kampung atau orang biasa yang mempunyai pengalaman hidup ketika zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Daripada keterangan direkodkan, jelas menunjukkan bahawa kaum wanita menjadi kreatif apabila sumber makanan terhad. Makanan utama ialah umbut, sagu, pisang muda dan ubi kayu. Elemen kreatif dapat dilihat apabila kebanyakan kaum wanita pada masa tersebut menghasilkan jeruk pisang bagi memenuhi keperluan makanan. Pisang yang direbus juga akan dilenyek untuk dijadikan makanan. Terdapat juga ubi dan pisang yang disagat menjadi kecil sebelum dimakan (Wawancara dengan Siti Siam binti Dalimin). Manakala bunga nipah akan direbus dahulu sebelum dibuang airnya untuk dijadikan sebagai makanan. Beras merupakan makanan elit yang sukar ditemui (Wawancara dengan Rapeah binti Mat Delan).

Cerita mengenai kezaliman tentera Jepun juga turut direkodkan berdasarkan wawancara yang dilaksanakan (Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Ghani bin Bakri). Keterangan lisan mengenai gambaran kehidupan turut diperolehi. Antaranya ialah mengenai kejadian kecurian bahan makanan seperti telur ayam dan kelapa penduduk kampung (Wawancara dengan Bintang binti Osman). Keadaan yang tidak selamat ketika zaman perang menyebabkan ramai anak dara Melayu dikahwinkan ketika usia muda (Wawancara dengan Karim bin Petah). Mereka juga terpaksa menyamar dengan menyapukan habuk dapur kayu apabila mengetahui tentera Jepun masuk ke kawasan kampung (Wawancara dengan Kiah binti Umar). Penduduk kampung yang dibunuh akan dicampakkan ke dalam sungai. Manakala jenazah hanya akan dibalut dengan daun pisang kerana ketiadaan kain (Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Aziz bin Mohd Tasin). Ramai daripada penduduk kampung yang ditangkap dan dibunuh (Wawancara dengan Nazri bin Othman). Proses peniponisasi khususnya melalui pentadbiran dan pendidikan dilaksanakan. Bahasa Jepun juga diajar di Sekolah Kebangsaan dan kesannya ialah ramai anak Melayu tempatan yang boleh berbahasa Jepun (Wawancara dengan Abdullah bin Itam). Pemuda-pemuda dilatih menerusi sekolah khas yang dikenali sebagai *koa-kurenjo* di Singapura dan Melaka (Mohd Isa Othman, 2000:286). Keterangan lisan mampu mengumpulkan penceritaan yang baik mengenai kezaliman tentera Jepun di Tanah Melayu. Namun hal demikian perlu disemak semula dengan menggunakan sumber pertama yang direkod. Keterangan ini benar apabila dokumen British turut membuktikan bahawa tentera Jepun melakukan penyamaran dan masuk ke kawasan perkampungan orang Melayu bagi melakukan kekejaman seperti pembunuhan dan merogol (*PK. Sec. 2/46: Communal Disturbances*).

Terdapat juga keterangan lisan yang berjaya mengumpulkan pengalaman hidup ketika komunis melegitimasikan kuasa di Tanah Melayu. Kisah-kisah ini diperolehi melalui penceritaan daripada mulut ke mulut ataupun pengalaman yang dilalui sendiri oleh informer (Wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh). Pengalaman ini turut dirakamkan melalui keterangan lisan berdasarkan kepada kisah hidup yang disampaikan. Menurut Rosimah Alang Mat Yen yang berusia 84 tahun di Kampung Gajah, Perak, ramai penduduk kampung diculik dan dipaksa menjalani kehidupan di kem-kem komunis. Manakala menurut Yahya Shafie, ketika masih berada dibangku sekolah, beliau dan penduduk kampung di Junjong, Kulim, Kedah sedar mengenai kezaliman komunis. Bapa saudaranya dibakar hidup-hidup dengan tangan terikat di stereng lorinya. Seluruh anggota badannya rentung dan tidak dapat dikenali. Menurut Suparman Taib, pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah peristiwa anak buahnya terkorban apabila trak yang dinaiki mereka diserang hendap. Semasa ditemui, bukan sahaja telinga dikerat, alat kemaluan mereka juga dipotong dan disumbatkan ke dalam mulut. Menurut seorang bekas komunis iaitu Mohamad Wan Kechik, komunis lebih suka menyeksa orang sebelum membunuhnya. Sidek Ishak, seorang penduduk di Kampung Baru Belum, Gerik melihat sendiri hukuman bunuh dikhalayak ramai yang dilakukan oleh komunis (*Utusan Malaysia*, 17 Jun 2009 & *Utusan Malaysia*, 30 Mei 2009:12).

Namun, cerita dan keterangan yang diperolehi ini disemak semula oleh pengkaji dengan menggunakan dokumen arkib. Ternyata tidak berlaku elemen tokoh tambah dalam keterangan yang diberikan. Beberapa bukti bahawa komunis bertindak zalim ialah apabila orang Melayu di kawasan perkampungan di Pahang diancam oleh gerila Cina (*CO 273/675/12 (28)*, Report On The Interviews Between The Malay Rulers And Brigadier H.C. Willan, M.C. (TOP SECRET), Interview With The Sultan Of Pahang). Manakala di Penjom, Kuala Lipis, Pahang, orang Melayu dipaksa menghadiri mesyuarat yang diadakan oleh *Anti-Japanese Union and Forces (AJUF)* (*WO 203/4491 (1)*, Intelligence-Malaya, Oct. 45-1946 Mar. (TOP SECRET), Headquarters, S.A.C.S.E.A., Signal Form No. 16). Sumber lisan juga turut berperanan dalam merungkai salasilah keturunan pembesar dan tokoh tempatan. Hal yang sedemikian dapat dilihat di Kuala Lipis, Pahang. Keturunan Maharaja Perba Jelai merupakan keluarga pemerintah Pahang yang sangat hebat. Beliau menguasai hampir separuh negeri Pahang dengan menjadikan Ulu Pahang sebagai pusat pemerintahannya. (Wawancara dengan Drs. Wan Aminuddin bin Wan Ab. Hamid).

## Agama

Islam dan kebudayaan Melayu merupakan denyut nadi kepada kesinambungan sejarah, bahasa, persuratan dan budaya di alam Melayu. Masyarakat Melayu sudah lama bertapak di Asia Tenggara sekitar 5000 tahun yang lalu. Kedatangan dan pengaruh Islam mengubah paksi kehidupan umat Melayu dalam perjalanan sejarahnya yang lama, menuju suatu zaman baru serta mendukung ciri-ciri nasionalisme, intelektualisme dan keadilan serta keperibadian insan pada tempatnya yang layak dan wajar. Institusi ulama mula memainkan peranan yang penting dalam usaha dakwah dan penyebaran Islam. Pusat-pusat pengajian seperti pondok dan pesanteren mula dibina bagi menyebarkan tradisi keilmuan dan intelektualisme (A.Aziz, 2010). Hubungan Tanah Melayu dengan Indonesia menyebabkan wujudnya kolaborasi dan pengaliran ilmu sufi serta tarekat. Dalam konteks perkembangan ilmu tarekat di Tanah Melayu, terdapat ramai tokoh yang memberikan sumbangan. Antaranya ialah seperti Syeikh Haji Fadhil al-Banteni, yang merupakan orang kepercayaan dan pawang diraja. Beliau juga merupakan ulama tempatan dari Banten, Indonesia dan sekaligus menjadi Syeikh bagi Tarekat Qadiriyyah serta Naqshbandiyyah di Johor (Wawancara bersama Dr. Akbal bin Abdullah, 2012).

Peranan ulama mulai berubah pada awal abad ke-20 iaitu setelah lama alam Melayu dicengkam di bawah kuasa imperialisme dan kolonialisme Inggeris serta Belanda. Pada tahap ini, peranan mereka tidak hanya mengajar atau menulis kitab. Mereka juga menggembelng tenaga menyusun barisan atau mengatur strategi untuk menghadapi penjajah Belanda dan Inggeris (Abdullah Zakaria Ghazali, 2007). Maka lahirlah tokoh-tokoh ulama seperti Tok Janggut dan Haji Abdul

Rahman Limbong walaupun dikenali sebagai pendekar namun hakikatnya mereka juga merupakan seorang ahli kitab. Perubahan sosial masyarakat semakin ketara dan mereka menjadikan ulama sebagai suri teladan dalam kehidupan mereka (Mohamed Ali Haniffa, 2013). Terdapat ramai golongan agamawan di peringkat tempatan namun jasa mereka dipandang sepi. Antaranya ialah Kiai Salleh bin Abdul Karim dan Tuan Guru Haji Mokhtar di Batu Pahat, Johor (Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh). Manakala terdapat peranan Tuan Guru Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman di Sungai Manik, Perak, (Mohamed Ali, 2016). Beliau adalah Khalifah Parang Panjang, Sungai Manik dan pejuang tempatan yang memberikan pengaruh yang besar dalam pembentukan sosiobudaya masyarakat di waktu tersebut terutamanya dalam menentang kezaliman komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri). Golongan agamawan ini berperanan penting dalam menyatukan masyarakat Melayu ketika berada dalam kancah peperangan. Namun penglibatan mereka hanyalah bersifat setempat (Wawancara bersama Tuan Haji Jubir @ Amir bin Haji Abd. Talib, 2012). Kesemua maklumat ini berjaya dikumpul oleh penulis berdasarkan kepada keterangan lisan.

### **Sosial dan Budaya**

Kepelbagaian etnik di Malaysia membentuk multi budaya yang di warisi oleh nenek moyang mereka. Ini termasuklah cerita rakyat, adat, pakaian dan makanan tempatan sesuatu kaum. Sebagai contoh, daerah Kuala Lipis, Pahang yang terkenal dengan produk makanan tempatannya iaitu sambal hitam atau sambal Pahang (Rohani et.al, 2015). Terdapat juga resepi tempatan lain seperti gulai Keladi Kemahang yang sinonim di Budu, Tanjung Besar, Chat dan Peruang, Benta, Pahang. Keladi Kemahang akan dijual oleh penduduk tempatan di Pekan Sehari Benta pada hari Sabtu dan Ahad. Manakala Rendang Pahang atau Rendang Hitam juga menjadi menu terkenal yang dimakan bersama dengan pulut pagi di Kuala Lipis. Begitu juga menu warisan Nasi Kebuli/Keduli yang sinonim di Batu 9, Jalan Kuala Lipis-Jerantut (Wawancara bersama Drs. Wan Aminuddin bin Wan Ab. Hamid, 2015).

Terdapat juga warisan wayang kulit Wok Yoh yang dihasilkan melalui teknik animasi. Sebelum ini wayang kulit hanya dimainkan secara tradisional di Kelantan dan Johor. Namun kini sejajar dengan perubahan arus teknologi maka timbulnya ilham untuk menghasilkan wayang kulit moden dan praktikal. Idea ini diilhamkan oleh Saupi Mat Isa ataupun lebih dikenali dengan panggilan Saupi Bunga Andani (Jafalizan et.al, 2016). Di samping itu terdapat tradisi Wayang Kulit Seri Asun yang dipopularkan oleh Tokoh Budaya Negeri Kedah, Abdul Majid Mohd Noh (Pak Majid), di Asun, Jitra, Kedah. Namun tradisi ini mulai mengalami zaman suram apabila beliau meninggal dunia pada 13 Julai 2016 dan tidak mampu diteruskan oleh warisnya. Karya sastera juga merupakan satu kaedah penggunaan sejarah lisan kerana ianya merakamkan pelbagai 'cerita' untuk menenangkan jiwa yang duka lara atau kebahagiaan dalam persekitaran hidup sesuatu bangsa (Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor). Ini kerana penataan ceritanya haruslah dilakukan oleh seorang bijak pandai dalam masyarakat tersebut agar bersesuaian dengan pelbagai unsur tempatan. Aspek pengaruh mempengaruhi ataupun perkongsian cerita daripada tamadun yang lebih maju dengan itu mewarnai karya-karya kesusasteraan tempatan di Nusantara termasuklah kepada tamadun Melayu dan Thai. Hikayat Malim Deman dan cerita *Phra Suthon-Manohra* merupakan contoh cerita lisan yang mempunyai beberapa titik persamaan seperti pada plot penceritaan (Phat, 2016).

### **Ekonomi**

Keterangan mengenai kegiatan ekonomi di Tanah Melayu turut disokong oleh sumber lisan. Sebagai contoh perkembangan penanaman padi di negeri Kedah turut mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Catatan sejarah menyatakan bahawa Kedah terkenal sebagai pengeluar lada hitam yang terbanyak ketika abad ke-16 dan 17. Pengeluaran lada hitam ini secara langsung merancakkan aktiviti perdagangan di negeri Kedah. Kedah kemudiannya beralih kepada

ekonomi berasaskan pertanian pada pertengahan abad ke-18 atas arahan tampuk pemerintahan ketika itu (Azhari dan Rohani, 2016). Berlainan pula jika dilihat hubungan ekonomi yang terjalin antara Selatan Thailand (Satun) dan juga Kedah/Perlis. Terputusnya ikatan politik di antara Satun dengan Kedah/Perlis memberikan impak secara langsung ke atas kegiatan ekonomi yang dijalankan selama ini. Perkara ini membawa kepada penghijrahan besar-besaran penduduk di Selatan Thailand ke Kedah/Perlis demi meneruskan kelangsungan hidup. Mereka mengusahakan tanah sawah milik penduduk tempatan sekaligus memperluaskan lagi ekonomi penanaman padi di kawasan tersebut (Affifudin, 2015). Hal yang demikian juga berlaku di Raub dan Kuala Lipis, Pahang. Pembukaan bandar Raub dikaitkan dengan istilah "meraub" emas. Industri perlombongan emas menyebabkan pekan Raub berkembang dengan pesat dan diikuti dengan Kuala Lipis yang pernah menjadi pusat pentadbiran negeri Pahang (Wawancara dengan Abdul Aziz bin Md. Tasin).

## **PERANAN INSTITUSI MAKLUMAT DAN PERSATUAN BERKAITAN DALAM BIDANG SEJARAH LISAN**

Institusi seperti arkib, perpustakaan dan muzium adalah dikenali sebagai "Institusi Memori". Ini kerana koleksinya mengandungi keterangan mengenai manusia, masyarakat, institusi, individu, warisan kebudayaan dan saintifik serta produk yang terhasil sepanjang zaman melalui kreativiti dan pembelajaran (Dempsey, 2001). Walau bagaimanapun, terdapat juga badan Bukan Kerajaan yang lain seperti Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia yang turut berperanan melestarikan keterangan lisan sebagai sumber historiografi.

### **Arkib Negara Malaysia (ANM)**

ANM merupakan sebuah insitusi penting yang menjadi tunjang dalam memperjuangkan bidang sejarah lisan di Malaysia. Kolokium antarabangsa yang dilaksanakan oleh *South East Asian Regional Branch of International Conference on Archives* (SARBICA) pada tahun 1978 merupakan platform terbaik dalam memberikan maklumat tepat penyediaan garis panduan dan mempromosikan pembangunan projek sejarah lisan. ANM menjadi peneraju kepada pelaksanaan projek sejarah lisan di Malaysia. ANM menubuhkan Unit Sejarah Lisan agar aktiviti ini berjalan secara lebih bersistematik. ANM juga membentuk Jawatankuasa Kebangsaan Sejarah Lisan pada tahun 1979. Jawatankuasa tersebut berperanan menggalakkan dan menyelia aktiviti berkaitan dengan sejarah lisan sama ada yang dijalankan oleh individu ataupun mana-mana institusi.

ANM juga turut menerbitkan Katalog Wawancara Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia (Siri Sejarah Lisan) dan Menegakkan Kedaulatan Negara (Siri Sejarah Lisan) pada tahun 1991. Katalog ini bagi kegunaan dan rujukan kepada penyelidik mengenai projek-projek yang dilaksanakan. Antaranya ialah Projek Sejarah Lisan dengan tokoh-tokoh Penerima Bintang Bintang Kehormatan Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P) dan Penerima Bintang Kehormatan Panglima Gagah Berani (P.G.B.). Seramai 38 orang tokoh diwawancara dan hasil daripada projek ini dibukukan dalam *Warisan Perjuangan Perwira-Sang Saka Biru* pada tahun 2007. Manakala Projek Sejarah Lisan bersama tokoh-tokoh Komando 69 melibatkan seramai 40 orang tokoh Komando 69 yang berjuang menentang komunis dalam tahun 1970an sehingga perletakan senjata 1989. Projek ini menghasilkan 3 jilid transkrip wawancara dan dibukukan dalam *Warisan Darah Perwira-Sang Saka Biru* pada tahun 2011 (Sulasteri, 2016).

### **Perpustakaan**

Perpustakaan merupakan institusi yang paling dekat dengan masyarakat sejak berkurun lamanya. Kekuatan sebuah perpustakaan diukur melalui keunikan koleksinya. Sebagai contoh Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai pusat pengumpulan dan penyimpanan bagi Koleksi Malaysiana. Begitu juga Perpustakaan Negeri yang mempunyai Koleksi Negeri.



Manakala Perpustakaan Akademik menjadi pusat bagi Koleksi Universiti. Kesemua koleksi ini merupakan bahan bersejarah dan perlu dipelihara serta dipulihara bagi tatapan generasi akan datang. Ini amat bersesuaian dengan satu resolusi yang dikeluarkan oleh *International Federation of Library Associations & Institutions* (IFLA) di dalam *Standing Conference for Eastern Central and Southern African Library Associations* (SCECSAL) (2012). Perpustakaan akademik dan perpustakaan awam negeri merupakan dua institusi yang bergiat aktif dalam pengumpulan maklumat menggunakan kaedah sejarah lisan. Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya menyimpan banyak koleksi buku, laporan dan mikrofilem. Manakala Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia (USM) menjalankan beberapa projek seperti Sejarah Pendudukan Jepun, Tokoh Pulau Pinang dan Kenangan Abadi.

Projek Sejarah Jepun merupakan satu inisiatif dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Sejarah Lisan USM yang ditubuhkan pada tahun 1982. Projek ini bertujuan untuk merekodkan pengalaman daripada individu-individu yang terlibat pada zaman Jepun dan belum diselidiki lagi. Kajian ini merangkumi negeri Perak Utara, Pulau Pinang dan Kedah/Perlis. Manakala Projek Kenangan Abadi bertujuan untuk merekodkan maklumat dan pengalaman yang dimiliki oleh tokoh-tokoh yang membangunkan USM sejak awal penubuhannya seperti Tan Sri Hamzah Sendut, Tun Hamdan Sheikh Tahir dan Encik Lim Huck Tee yang merupakan Ketua Pustakawan pertama (Fujica et.al, 2016 & Siti Roudhah et.al, 2011). Sebuah lagi perpustakaan yang aktif menjalankan projek sejarah lisan ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Walaupun baru memasuki tahun ketiga pelaksanannya, namun PPAS menjalankan dua projek iaitu Projek Institusi Orang Besar Daerah (OBD) di Selangor dan juga Kenang-kenangan Raja Tun Uda (RATU). Projek ini bertujuan untuk menengahkan penglibatan RATU dalam pentadbiran negara (Wawancara dengan Hikmah binti Hassan).

### **Persatuan**

Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia (PSLM) merupakan dua buah institusi yang bergiat aktif dalam memperjuangkan bidang sejarah lisan di Malaysia. Pelbagai usaha dilakukan bagi memupuk, mendokumentasikan dan juga mempromosikan bidang ini sama ada kepada individu mahupun institusi-institusi yang berkenaan. PSLM sebagai contoh mengadakan bengkel dan juga seminar berkaitan sejarah lisan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Pada 29 hingga 30 Januari 2019 PSLM menganjurkan *Bengkel Oral History* yang dikendalikan oleh Mark Wong dari *National Archives of Singapore* (Wawancara dengan Dr. Zahidi bin Dato' Zainol Rashid). Di samping itu, PSLM banyak menjalankan seminar dan bengkel berkala secara berkolaborasi. Tujuannya ialah untuk memberikan ruang kepada semua lapisan masyarakat mendekati, memahami dan menghayati keterangan lisan sebagai suatu medium yang penting. Seminar Koleksi Johor 2016 yang bertemakan Pendudukan Jepun, Komunis dan Darurat di Tanah Melayu telah diadakan di Johor Bahru pada tahun 2016. Seminar ini berjaya mengumpulkan penulisan mengenai beberapa episod penting dalam sejarah tanah air.

### **KESIMPULAN**

Keterangan lisan memberikan satu nafas baru sebagai sumber historiografi dalam pembentukan sosiobudaya masyarakat Melayu daripada pelbagai aspek seperti agama, budaya, ekonomi dan juga kebangkitan para tokoh. Kaedah ini bukan semata-mata digunakan bagi merakamkan keterangan, bahkan kemasukan emosi dan perasaan dalam setiap penceritaan mampu memberikan tafsiran yang berbeza kepada pembaca. Dalam usaha memahami setiap peristiwa yang berlaku dengan lebih baik, kita seharusnya bersikap lebih adil tanpa menolak peranan setiap sumber. Tanpa keterangan daripada saksi yang terlibat, pengetahuan dan pemahaman berhubung sesuatu peristiwa yang berlaku akan semakin dilupakan. Masyarakat

harus akur bahawa tidak semua peristiwa direkodkan sepenuhnya. Kekurangan ini perlu diisi dengan sumber dan bukti yang kukuh. Kaedah ini merupakan cara terbaik bagi mengisi ruang kekosongan yang ditinggalkan dengan menjadi menjadi penyelamat kepada keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang. Keedah ini juga akhirnya akan menjadi pelengkap yang baik kepada sesebuah cerita.

## RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. (2007). Islam dan anti penjajahan di Malaysia kurun ke-19. Dalam Farid Mat Zain (editor), *Islam di Tanah Melayu abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd..
- Affifudin Hj. Omar. (21-23 Ogos 2015). Sekilas pandang mengenai perhubungan ekonomi Selatan Thailand dan Kedah/Perlis. *Seminar Antarabangsa Sejarah Lisan Dalam Perspektif Warisan dan Budaya Malaysia-Satun 2015*. Thailand: Satun.
- Azhari Mat Salleh dan Rohani Hj. Ab. Ghani. (2-4 Disember 2016). Sejarah ekonomi Kedah: tinjauan ke atas sumber-sumber awal dan sumber lisan. *Seminar Sejarah Lisan 2016 Dari Perspektif Sejarah, Warisan dan Kebudayaan Malaysia-Thailand*. Satun: Pak Bara.
- A. Aziz Deraman. (Mac 2003). Sumbangan ulama dalam pembangunan Tamadun Melayu. *Dewan Budaya*, 24-27.
- A. Aziz Deraman. (Januari 2010). Dunia Melayu: citra keIslaman dan keMelayuan di Nusantara. *Dewan Budaya*, 38-41.
- CO 273/675/12: Future policy New Constitution, Initial Relations With Malay Sultans On The Liberation Of Malaya.
- Dempsey, Lorcan. (2000). Scientific, industrial and cultural heritage: a shared approach. a research framework for digital libraries, museums and archives. *Ariadne*. Issue 22. [www.ariadne.ac.uk/issue22/dempsey/intro.html](http://www.ariadne.ac.uk/issue22/dempsey/intro.html)
- Fujica Azura Fesal et.al. (2-4 Disember 2016). Oral history in USM library: supporting reference and research needs. *Seminar Sejarah Lisan 2016 Dari Perspektif Sejarah, Warisan dan Kebudayaan Malaysia-Thailand*. Satun: Pak Bara.
- Jafalizan Md. Jali et.al. (2-4 Disember 2016). Warisan wayang kulit Wok Yoh: melalui kaedah sejarah lisan. *Seminar Sejarah Lisan 2016 Dari Perspektif Sejarah, Warisan dan Kebudayaan Malaysia-Thailand*. Satun: Pak Bara.
- Jejak seorang pemimpin: sejarah lisan Tun Dr. Mahathir Mohamad* (2014). Shah Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 2000.
- Mohamed Ali Haniffa. (Januari 2017). Keterangan lisan sebagai sumber historiografi. *Dewan Budaya*, 52-52.
- Mohamed Ali Haniffa. (Jun 2016). Darah dan air mata Bekor: mengimbuai kembali peristiwa 6 Mac 1946. *Jurnal Sejarah*. Vol 25 Issue 1, 65-80.
- Mohamed Ali Haniffa. (22-23 Mei 2016). Survival orang Melayu di Johor berikutan kekejaman komunis di Tanah Melayu, 1941-1948. *Seminar Koleksi Johor*. Johor : Johor Bahru.
- Mohamed Ali Haniffa. (Oktober 2013). Pergaduhan Melayu-Cina Selepas Pendudukan Jepun, 1945-1955. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Myzara. (2015). *Di Sebalik Rundingan Damai Hat Yai*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Nadzan Haron. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol.9: 44-58.
- Phat a/l Awang Deng. (2-4 Disember 2016). Cerita lisan khazanah warisan: pengaruh dan perkongsian budaya dalam masyarakat Melayu dan Thai. *Seminar Sejarah Lisan 2016 Dari Perspektif Sejarah, Warisan dan Kebudayaan Malaysia-Thailand*. Satun: Pak Bara.
- Perak Secretariat*. 2/46: Communal Disturbances.

- Retha Snyman. (editor). (15-19 April 2002). Proceedings of the 15th Standing Conference of Eastern, Central and Southern African Library and Information Associations: *SCECSAL 2002: From Africa to the World: the Globalisation of Indigenous Knowledge Systems*. South Africa: Caesar.
- Rohani Hj Ab. Ghani dan Che Su Mustaffa. (21-23 Ogos 2015). "Suara Malaysia" dan legasi Tan Sri Dato' Haji Dol Ramli. *Seminar Antarabangsa Sejarah Lisan Dalam Perspektif Warisan dan Budaya Malaysia-Satun 2015*. Thailand: Satun.
- Rohani Hj. Ab. Ghani et.al. (1-2 Disember 2015). Pelestarian sejarah, budaya dan warisan Lipis, Pahang Darul Makmur: beberapa perspektif dari sumber lisan. *Seminar Sejarah Lisan 2015: Warisan dan Budaya Malaysia*. Selangor: Shah Alam.
- Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenal dan mentafsir sumber sejarah*. Shah Alam: Karisma Production Sdn. Bhd.
- Rahilah Omar dan Siti Fathihah Al. (2012). Penilaian semula historiografi Malaysia, melalui sejarah lisan. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*. Volume 8, Issue 2, 77-87.
- Siti Roudhah Mohamad Saad et.al.(2011). Khazanah warisan tempatan di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. *Jurnal PPM*, Vol.5, 2011. 35-49.
- Sulasteri Abd. Hamid (26-28 April 2016). Perancangan projek sejarah lisan. *Dalam Bengkel Sejarah Lisan 2016*. Melaka: Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM).
- Utusan Malaysia*, 17 Jun 2009
- Utusan Malaysia*, 30 Mei 2009
- Warisan darah perwira sang saka biru paksi pertiwi, setia integriti* (2011). Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- WO 203/4491: Intelligence-Malaya, Oct. 45-1946 Mar (TOP SECRET).
- Wawancara dengan Dr. Akbal bin Abdullah. (22 Oktober 2012). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Batu Pahat: Johor.
- Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor. (22 Oktober 2012). Surau Jalan Omar. Batu Pahat: Johor.
- Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Aziz bin Mohd Tasin. (6 Februari 2010). Cheroh, Raub: Pahang.
- Wawancara dengan Abdullah bin Itam, (30 Januari 2016). No. 5, Jalan Besar, 36100, Bagan Datoh: Perak.
- Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri. (8 November 2008). Felde Sungai Kemahal, Triang: Pahang.
- Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Ghani bin Bakri. (26 Mac 2016). 170, Jalan Teluk Rhu, Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam: Selangor.
- Wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh. (6 Jun 2008). Bekas Setiausaha Pemuda Am Bintang Tiga, Parit 13 A, Sungai Manik: Perak.
- Wawancara dengan Tuan Haji Berahim bin Chik. (21 Februari 2009). Mantan Pegawai Propaganda Rejimen Ke-10 PKM. No. 31, Taman Setia Jasa, Temerloh: Pahang.
- Wawancara dengan Bintang binti Osman. (29 Januari 2016). Kampung Sungai Ular, Bagan Datoh: Perak.
- Wawancara dengan Hikmah binti Hassan. (29 Januari 2019). Pegawai di Perbadanan Perpustakaan Awam Raja Tun Uda, Shah Alam: Selangor.
- Wawancara dengan Tuan Haji Jubir @ Amir bin Haji Abd. Talib. (21 Oktober 2012). Parit Haji Talib, Mukim 7. Batu Pahat: Johor.
- Wawancara dengan Kio Koke Kway. (9 Mei 2010). No. 126, Seberang Benta, Kuala Lipis: Pahang.
- Wawancara dengan Karim bin Petah. (23 November 2007). Kampung Ulu Cheka, Jerantut: Pahang.
- Wawancara dengan Dato' Mocktar Mahmud Baginda. (23 Mei 2016). Seminar Koleksi Johor. Johor: Johor Bahru.
- Wawancara dengan Nazri bin Othman. (29 Januari 2016). Kampung Sungai Ular, Bagan Datoh: Perak.

Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi: Penelitian Awal dalam Kepelbagaian Budaya Masyarakat di Malaysia

- Wawancara dengan Mejar (B) Dr. Nor Ibrahim bin Sulaiman. (19 Mac 2018). Universiti Utara Malaysia, Sintok: Kedah.
- Wawancara dengan Rapeah binti Mat Delan. (29 Januari 2016). Kampung Sungai Ular, Bagan Datoh: Perak.
- Wawancara dengan Prof. Madya Dr. Rohani binti Ab. Ghani. (28 Ogos 2018). Penulis Buku Dol Ramli. Universiti Utara Malaysia, Sintok: Kedah.
- Wawancara dengan Sulasteri Abd. Hamid (10 Mei 2016). Pegawai Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wawancara dengan Siti Siam binti Dalimin. (24 Mac 2016). No. 9, Kampung Sungai Tengar, Sungai Ayer Tawar: Selangor.
- Wawancara dengan Dr. Zahidi bin Dato' Zainol Rashid. (30 Januari 2019). Pengerusi Persatuan Sejarah Lisan, Malaysia, Shah Alam: Selangor.
- Wawancara dengan Drs. Wan Aminuddin bin Wan Ab. Hamid. (2 Ogos 2015). Pengerusi Persatuan Sejarah Kawasan Lipis. Kuala Lipis: Pahang.
- Zahidi Dato' Zainol Rashid (1999). *Mahathir di Mata Umum*. Alor Setar: Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad.